

PELANCARAN KAD DEBIT BAHARU PIN & VISA PAYWAVE HELLO KITTY JOLLY MERAH

Last updated on 30 Mac 2017

TEMPOH PROMOSI

“Pelancaran Kad Debit Baharu PIN & Visa payWave Hello Kitty Jolly Red” Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) bermula pada **13 Januari 2017** dan berakhir pada **12 May 2017**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya dan terdiri daripada yang berikut:

- (i) Peraduan ; dan
- (ii) Peletakan Deposit [secara kolektif dan kemudian daripada ini disebut “Promosi”].

TERMA & SYARAT**KELAYAKAN**

1. Promosi ini terbuka kepada Akaun Semasa dan Simpanan Konvensional (“CASA”) HLB serta juga Kad Debit dan kriteria kelayakan untuk penyertaan adalah seperti berikut:

CASA

- (i) Promosi terbuka kepada seluruh pelanggan individu HLB warga Malaysia sahaja yang merupakan Pemegang Akaun Utama CASA, tidak termasuk pelanggan Perbankan Peribadi (“Pemegang Akaun”).
- (ii) Promosi **TIDAK** terbuka kepada pelanggan bukan individu termasuk empunya tunggal, perkongsian, amalan profesional, syarikat dan badan korporat.
- (iii) Promosi terbuka kepada seluruh Pemegang Akaun baharu dan sedia ada bagi akaun-akaun berikut (“Akaun Sertaan”):
 - (a) Akaun Simpanan Asas Hong Leong
 - (b) Akaun Simpanan Hong Leong
 - (c) Akaun Semasa Asas Hong Leong
 - (d) Akaun Semasa Hong Leong
 - (e) Akaun Simpanan Senior Savers Hong Leong
 - (f) Akaun Simpanan Harvest Hong Leong
 - (g) Akaun Pay&Save Hong Leong
 - (h) Akaun SmartLink Hong Leong
 - (i) Akaun Top Yield Hong Leong
 - (j) Akaun One Hong Leong

Bagi mengelakkan keraguan, seluruh Akaun Sertaan yang disebut dalam Fasal 1 CASA (iii) di atas adalah layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).

Kad Debit

- (i) Promosi ini terbuka kepad Pemegang Kad Debit HLB yang merupakan Warga Malaysia (“Pemegang Kad”).
- (ii) Pemegang Kad yang berikut **TIDAK** layak menyertai Promosi ini:
 - (a) Kad Debit Mach dan Kad Debit Hong Leong Islamic-i;
 - (b) memiliki Kad Debit HLB yang TIDAK dikeluarkan di Malaysia;
 - (c) Akaun Kad Debitnya TIDAK berkedudukan baik, tak aktif, dipautkan kepada CASA yang telah ditutup atau tak aktif atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat HLB pada bila-bila masa semasa Tempoh Promosi dan/atau sebelum 11 Ogos 2017;

- (d) akaun Kad Debitnya dipercayai dikendalikan secara penipuan, tipu, menyalahi undang-undang dan/atau Kad Debitnya tak sah atau telah dibatalkan menurut takrif HLB pada bila-bila masa semasa Tempoh Promosi dan/atau sebelum 11 Ogos 2017; dan
 - (e) Pelanggan Perbankan Peribadi HLB.
2. Pemegang Akaun dan/atau Pemegang Kad yang merupakan pekerja HLB sama ada secara tetap atau kontrak, pekerja mana-mana wakil atau ejen HLB (termasuk juruaudit luar, vendor, pembekal, ejen pengiklanan dan ejen peraduan) serta ahli-ahli keluarga terdekat masing-masing (contohnya, pasangan, anak-anak, ibu atau bapa, adik-beradik) **TIDAK** layak menyertai Peraduan ini.

KAEDAH PROMOSI

(i) Peraduan

3. Hanya ada **satu (1) Hadiah Utama** untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi – Jongkong Emas Edisi Terhad Hello Kitty 999.9 100g bernilai **Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000)** (“Hadiah Utama”).
4. Terdapat **sepuluh (10) Hadiah Istimewa** untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi – Syiling Emas Edisi Terhad 999.9 10g bernilai **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)** setiap satu (“Hadiah Istimewa”).
[Hadiah Utama dan Hadiah Istimewa secara kolektif disebut “Hadiah”]
5. Pemegang Akaun dan/atau Pemegang Kad layak mendapat bilangan Penyertaan Peraduan berdasarkan Kriteria Peraduan berikut yang disempurnakan semasa Tempoh Promosi (“Peserta Layak”).

Kriteria Peraduan	Penyertaan Peraduan
Membuka Akaun Sertaan baharu* dengan deposit minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) dan memohon Kad Debit Hello Kitty	5
Setiap transaksi Kad Debit Hong Leong (minimum RM50 dalam satu resit) - 5 Penyertaan Bonus Ekstra untuk transaksi Visa PIN atau payWave	5
Setiap penambahan Deposit sebanyak RM500 ke dalam Akaun Sertaan baharu dan/atau sedia ada	1
Pendaftaran & log masuk yang Berjaya di: - Perbankan Dalam Talian Hong Leong atau E-penyata (mengikut akaun)	1
Pemegang Akaun Pay&Save Baharu / Kad Kredit / Pinjaman Peribadi / Gadaian Janji / Pelanggan Pinjaman Kereta baharu**	1 Penyertaan Bonus tambahan kepada Penyertaan Peraduan sedia ada yang tersedia bagi setiap kriteria Peraduan)

* Bagi mengelakkan keraguan, pelanggan individu baru dan/atau sedia ada yang mempunyai Akaun Simpanan Asas Hong Leong dan/atau Akaun Semasa Asas Hong Leong tunggal yang dikekalkan dengan HLB (“Akaun Sertaan Terkecuali”) dikehendaki membuka sebarang Akaun Sertaan baharu selain daripada Akaun Sertaan Terkecuali dan memohon Kad Debit baharu PIN & Visa payWave Hello Kitty Jolly Merah Hong Leong untuk layak menyertai Penyertaan Peraduan berkenaan.

** Terpakai bagi pelanggan baharu berdaftar dan pelanggan permohonan diluluskan semasa Tempoh Promosi.

6. Untuk tujuan Promosi ini, semua deposit mestilah Dana Baharu. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Dana Baharu adalah:

- (a) Wang tunai, GIRO antara bank, dana baharu diterima menerusi pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan bank lain; dan/atau
- (b) Hasil yang diperolehi daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon dan/atau Hong Leong Invest Safe yang didepositkan semula ke dalam mana-mana CASA HLB.

7. "Dana Baharu" **BUKANLAH**:

- (a) Deposit Tetap ("FD"), Akaun Pelaburan Am ("GIA") yang matang atau pengeluaran pramatang FD, atau GIA; dan/atau
- (b) Pindahan antara cawangan di dalam HLB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3)

8. Deposit Tambahan ditakrifkan sebagai Baki Purata Harian ("DAB") Akaun Sertaan sepanjang Tempoh Promosi, ditolak baki penutup pada 12 Januari 2017. Bagi Akaun Sertaan baharu yang dibuka semasa Tempoh Promosi, asas pengiraan Deposit Tambahan ialah **Ringgit Malaysia sifar (RM0)**.

- (a) Akaun Sertaan Sedia Ada dibuka sebelum 12 Januari 2017

$$DAB = \frac{\text{Hasil tambah baki penutup sepanjang Tempoh Promosi}}{120 \text{ hari}}$$

$$\text{Deposit Tambahan} = DAB - \text{Baki penutup pada 12 Januari 2017}.$$

- (b) Akaun Sertaan Baharu dibuka semasa Tempoh Promosi

$$DAB = \frac{\text{Hasil tambah baki penutup sepanjang Tempoh Promosi sejak dibuka}}{\text{Bilangan hari Tempoh Promosi sejak dibuka}}$$

$$\text{Deposit Tambahan} = DAB$$

9. Transaksi Kad Debit bagi Promosi hendaklah termasuk pembelian tempat jualan, pembelian dalam talian, pengebilhan automatik dan pembelian tempat jualan luar negara tetapi tidak termasuk transaksi berikut:

- (i) Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang;
- (ii) Pembayaran Fi Pengeluaran / Fi Tahunan/ Fi Pembaharuan Kad Debit; dan
- (iii) Apa-apa bentuk perkhidmatan lain atau fi pelbagai (termasuk Caj Penalti) yang dikenakan oleh HLB.

10. Pembelian dalam talian bermaksud apa-apa transaksi runcit dalam talian yang dibuat dalam Ringgit Malaysia ("RM") atau mata wang asing. Transaksi runcit dalam talian yang dibuat dalam mata wang selain dari RM akan ditukar kepada dan dikira dalam RM berdasarkan kadar penukaran yang ditentukan oleh HLB pada masa transaksi.

11. HLB akan menjadikan Penyertaan Peraduan Peserta Layak secara automatik setelah tamat Tempoh Promosi berdasarkan jumlah transaksi menerusi pemenuhan Kriteria Peraduan semasa Tempoh Promosi, yang dicatatkan dan dipaparkan dalam sistem HLB. Borang penyertaan peraduan atau pendaftaran penyertaan tidak diperlukan.

12. Bagi Peserta Layak yang mempunyai berbilang Akaun Sertaan, Penyertaan Peraduan yang diperolehi atas setiap Akaun Sertaan dianggap bersingungan dan tidak boleh dihimpunkan untuk mengira jumlah Penyertaan Peraduan yang diperolehi semasa Tempoh Promosi.

13. Bagi Peserta Layak yang mempunyai lebih daripada satu (1) Kad Debit maka transaksi Kad Debit atas setiap Kad Debit dianggap bersingungan dan tidak boleh dihimpunkan untuk menjumlahkan transaksi Kad Debit bagi Peserta Layak.

14. Akaun Sertaan dan/atau Kad Debit Peserta Layak mestilah kekal dibuka, aktif dan sah dengan baki minimum **Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)** dari Tempoh Promosi dan hingga **11 Ogos 2017** bagi tujuan pemenuhan Hadiah. Jika sekiranya Akaun Sertaan ditutup atas apa jua sebab sekalipun pada bila-bila masa dalam Tempoh Promosi dan/atau sebelum **11 Ogos 2017**, maka Peserta Layak akan terlucut kelayakannya daripada menerima Hadiah.

PEMILIHAN DAN PEMENUHAN PEMENANG PEADUAN

15. **Satu Ratus Dua Puluh (120)** Peserta Layak akan dipilih secara rambang dan disaring setelah tamatnya Tempoh Promosi bagi pemilihan pemenang Hadiah Utama & Hadiah Istimewa (“Peserta Disaring”) seperti di bawah;

Hadiah	Bilangan Peserta Disaring
Hadiah Utama	20
Hadiah Istimewa	100
Jumlah	120

16. Peserta Disaring akan dihubungi oleh HLB atau Pengurus Promosi lantikannya, Dynamic Search Sdn. Bhd. (136574V) (“Dynamic Search”) atas dasar usaha terbaik melalui nombor telefon terkini yang diberi oleh Peserta Disaring seperti terdapat dalam sistem HLB **SEKALI** pada bila-bila masa dalam waktu pejabat (9:00 pagi hingga 5:00 petang) untuk Sesi Soal Jawab untuk menjawab sekurang-kurangnya **dua (2)** soalan dengan betul dalam rangka masa terpantas.
17. Jika Peserta Disaring gagal menjawab telefon selepas **lima (5)** dering atas apa jua sebab sekalipun, atau jika sekiranya nombor telefon yang diberi oleh Peserta Layak Disaring tidak tepat sama ada ketidaktepatan itu dianggap berpunca daripada kesilapan HLB atau Peserta Disaring, maka Peserta Disaring dianggap telah terlepas peluang menang dan HLB atau Dynamic Search mempunyai hak mutlak untuk memilih seorang lagi Peserta Disaring jika perlu.
18. Peserta Disaring tidak akan diberitahu pada masa itu juga sama ada mereka Pemenang Hadiah Utama dan/atau Hadiah Istimewa setelah selesai sesi Soal dan Jawab.
19. Hanya **sebelas (11)** [**Hadiah Utama x 1 dan Hadiah Istimewa x 10**] Peserta Disaring yang menjawab paling banyak soalan dengan betul dalam rangka masa terpantas akan diumumkan sebagai pemenang Hadiah Utama & Hadiah Istimewa (“Pemenang”). Jika berlaku seri iaitu lebih daripada satu (1) Peserta Disaring berjaya menjawab paling banyak soalan dengan betul dalam rangka masa terpantas, maka Peserta Disaring yang mempunyai Deposit Tambahan terbanyak sepanjang Tempoh Promosi akan diisyiharkan sebagai pemenang Hadiah Utama dan/atau Hadiah Istimewa (“Pemenang Hadiah”).
20. Setiap Pemenang hanya berhak memenangi **satu (1) Hadiah** sepanjang Tempoh Promosi.
21. Jika sekiranya Akaun Sertaan ditutup atas apa jua sebab sekalipun pada atau sebelum 11 Ogos 2017 (ini termasuk pada bila-bila masa dalam Termpoh Promosi), maka Pemenang akan terlucut kelayakan daripada menerima Hadiah Utama atau HadiahIstimewa.
22. Pemenang akan diberitahu oleh HLB sama ada melalui surat, panggilan telefon, Mesej Pesanan Ringkas (“SMS”), dengan menyiaran nama Pemenang dalam laman web HLB di www.hlb.com.my (“Laman Web HLB”) atau apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh HLB tidak lewat daripada **11 Ogos 2017**.
23. Peserta Disaring yang tidak menerima pemberitahuan tersebut daripada HLB selewat-lewatnya **11 Ogos 2017** dianggap **BUKAN** Pemenang.
24. Pemenang adalah bertanggungjawab memberitahu HLB melalui surat tidak lewat daripada **11 Ogos 2017** jika tidak menerima Hadiah, sekiranya gagal berbuat demikian, maka Pemenang akan dianggap telah menerima Hadiah daripada HLB.
25. HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, Hadiah yang hilang, rosak atau dicuri dan Hadiah yang tidak dituntut akan dilupuskan selepas **11 Ogos 2017**.
26. Pemenang mungkin diminta menghadiri majlis penyampaian hadiah yang tarikh, waktu dan tempatnya akan diberitahu oleh HLB. Segala perbelanjaan pengangkutan, penginapan, peribadi dan

apa-apa kos lain yang dialami kerana menghadiri majlis penyampaian hadiah akan ditanggung oleh Pemenang.

27. Peserta Disaring dengan ini memberi keizinan kepada dan membenarkan HLB untuk mendedahkan nama, nombor telefon dan alamat mereka kepada Dynamic Search bagi tujuan pemilihan Pemenang Peraduan.
28. Pemenang juga dengan ini memberi keizinan kepada dan membenarkan HLB untuk mendedahkan atau menyiarkan nama, nombor K.P.(dalam bentuk terlindung) atau foto mereka dalam bahan media, pemasaran atau pengiklanan bagi tujuan Peraduan.
29. Perkhidmatan SMS bagi Peraduan ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) ("M3Tech"), iaitu vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh HLB.

Syarat-syarat Hadiah Utama & Hadiah Istimewa

- (a) HLB tidak membuat representasi dan / atau waranti berkenaan dengan kualiti Hadiah dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan Hadiah yang hilang, dicuri atau cacat disebabkan kecacatan bahan atau mutu kerja oleh syarikat pembuat di bawah waranti atau sebaliknya.
- (b) Pemenang hendaklah berurus secara langsung dengan Peniaga dan/atau syarikat pembuat bagi maklumat atau tuntutan waranti tersebut tanpa merujuk kepada HLB
- (c) Visual yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan laman web adalah untuk tujuan ilustrasi semata-mata. Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama visual dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan bukanlah sebahagian daripada Hadiah.

(iii) Peletakan Deposit

30. Selain hal-hal yang disebut di atas, Pemegang Akaun dan/atau Pemegang Kad yang telah mematuhi syarat pemenuhan Amaun Deposit sepetimana tertera di bawah selama **empat (4)** bulan berturut-turut dari Tarikh Tersedia ("Tempoh Peruntukan") dalam mana-mana Akaun Sertaan semasa Tempoh Promosi ("Pelanggan Layak") berhak mendapat Pemberian berikut:

Kategori Pemberian	Kuantiti Pemberian (Unit)	Tarikh Tersedia	Opsyen 1 : Deposit & Tebus		Opsyen 2 : Swipe & Go	
			Amaun Deposit Minimum	Promosi Khas bagi Pelanggan Baharu-kepada-CASA *	Amaun Deposit Minimum	Amaun bayaran dengan Kad Debit HLB di mana-mana cawangan HLB
Botol Air	4800	13 Januari 2017 seterusnya	RM2,000	RM500	RM1,000	RM5
Tuala	3500	6 Februari 2017 seterusnya	RM6,000	TIADA	RM3,000	RM10
Payung Panjang	3000	13 Januari 2017 seterusnya	RM10,000		RM5,000	RM15

- Pelanggan Baharu-kepada- CASA bermaksud individu yang tidak mempunyai sebarang Akaun Semasa dan/atau Simpanan ("CASA") dengan HLB sebelum Tempoh Promosi.

31. Semua deposit mestilah Dana Baharu seperti ditakrifkan dalam Fasal 7 dan 8 di atas.

32. Pelanggan Layak boleh memilih Opsyen 1 atau Opsyen 2 untuk membuat peletakan deposit ke dalam mana-mana Akaun Sertaan semasa Tempoh Promosi. Bagi mengelakkan keraguan:
- Pelanggan Layak yang membuat peletakan Amaun Deposit yang ditetapkan di bawah Opsyen 1 ke dalam mana-mana Akaun Sertaan semasa Tempoh Promosi adalah berhak mendapat Pemberian berkenaan tanpa perlu membuat apa-apa Amaun Bayaran; dan
 - Pelanggan Layak yang membuat peletakan Amaun Deposit yang ditetapkan di bawah Opsyen 2 ke dalam mana-mana Akaun Sertaan semasa Tempoh Promosi, perlu membuat lagi Amaun Bayaran yang ditetapkan dengan cara membayar melalui Kad Debit Bank di mana-mana cawangan HLB sahaja untuk layak mendapat Pemberian berkenaan.
33. Pemberian adalah atas dasar siapa cepat dia dapat, dihadkan kepada **satu (1)** Pemberian bagi setiap kategori Pemberian bagi setiap Pelanggan Layak sepanjang Tempoh Promosi. Pemberian akan diberi kepada Pelanggan Layak setelah membuat peletakan deposit di cawangan HLB. Pemberitahuan akan dikeluarkan jika sekiranya mana-mana atau kesemua Pemberian kehabisan stok dengan cara menyiarannya dalam Laman Web HLB.
34. HLB tidak boleh dipertanggungjawabkan atas mana-mana Pemberian yang hilang, koyak, rosak atau dicuri dan sebarang permohonan untuk menggantikan Pemberian tidak akan dilayani HLB.
35. Jika sekiranya Amaun Deposit yang diperuntuk itu dikeluarkan (sebahagian atau keseluruhan) semasa Tempoh Peruntuk atas apa jua sebab sekalipun, HLB mempunyai hak mutlak untuk memotong Fi Penalti berikut daripada Akaun Sertaan pada tarikh pengeluaran dibuat oleh Pemegang Akaun sebagai bayaran bagi Pemberian dan apa-apa tuntutan / permintaan daripada Pelanggan Layak untuk pemulangan Fi Penalti tersebut tidak akan dilayani HLB:

Pemberian Hello Kitty	Fi Penalti*
Botol Air	RM30
Tuala	RM60
Payung Panjang	RM80

UMUM

36. Dengan menyertai Peraduan dan/atau Promosi ini , Pemegang Akaun dan/atau Pemegang Kad:
- Bersetuju bahawa HLB tidak memberi sebarang representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah dan/atau Pemberian. Pemegang Akaun dan/atau Pemegang Kad hendaklah, atas perbelanjaan dan tanggungan sendiri, berurus secara langsung dengan syarikat pembekal dan/atau syarikat pembuat bagi segala maklumat waranti berkaitan dengan Hadiah dan/atau Pemberian;
 - Bersetuju bahawa Hadiah dan/atau Pemberian akan disediakan atas dasar “Sebagaimana Ada”. Hadiah dan/atau Pemberian yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan/atau Laman Web HLB adalah untuk tujuan ilustrasi semata-mata. Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Hadiah dan/atau Pemberian dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan bukanlah sebahagian daripada Hadiah dan/atau Pemberian;
 - Bersetuju bahawa Hadiah dan/atau Pemberian tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barang;
 - Bersetuju bahawa keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Promosi dan Hadiah dan/atau Penberian adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Akaun dan/atau Pemegang Kad dan sebarang surat-menyerat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayani;
 - Bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Promosi;

- (vi) Bersetuju bahawa Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun HLB dan Terma dan Syarat Kad Debit hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan Terma & Syarat tertentu di dalam ini akan diutamakan jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan; dan
- (vii) Bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat.

37. HLB berhak:

- (i) Menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, termasuk tetapi tidak terhad kepada menggantikan Hadiah dan/atau Pemberian dengan produk lain yang sama nilainya mengikut budi bicaranya yang mutlak ("Pindaan"), dengan cara menyiaran Pindaan tersebut dalam Laman Web HLB, atau apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh HLB, untuk memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalender kepada Pemegang Akaun dan/atau Pemegang Kad;
- (ii) Melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Akaun dan/atau Pemegang Kad atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar oleh HLB mengikut budi bicaranya yang mutlak daripada menyertai Promosi dan/atau berhak mendapat Hadiah dan/atau Pemberian; dan
- (iii) Melupuskan Hadiah dan/atau Pemberian jika sekiranya Terma & Syarat di dalam ini tidak dipatuhi.

38. Pemegang Akaun dan/atau Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana Kemudahan yang diberi oleh HLB atau telah diisyiharkan muflis (menurut petisyen sama ada oleh HLB, mana-mana bank lain atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** layak menyertai Promosi dan **TIDAK** berhak mendapat Hadiah dan/atau Pemberian.

39. Pemegang Akaun dan/atau Pemegang Kad adalah bertanggungjawab dan hendaklah menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi dan/atau pengambilan Hadiah dan/atau Pemberian.

40. Jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan dengan atau bersabit dengan Promosi, maka Terma & Syarat muktamad dalam Laman Web HLB akan diutamakan.

41. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Akaun dan/atau Pemegang Kad bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.

42. Perkataan yang menandakan satu gender adalah meliputi semua gender lain dan perkataan yang menandakan tunggal adalah meliputi jamak dan begitu juga sebaliknya